



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUKANG SUNTIK (F.2-3-4-5 EB.6)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG SUNTIK
KEMENTERIAN KESIHATAN
F.2-3-4-5 EB.6 (\$495 - \$790 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan Satu atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berpengetahuan dalam Kesihatan Awam / Kesihatan Alam Sekitar adalah satu kelebihan.
3. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu serta mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
4. Berkemahiran dalam menggunakan perisian-perisian komputer seperti *Microsoft Office* terutamanya *Excel*, *Words* dan yang berkaitan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat pendaftaran untuk pemberian suntikan kepada orang ramai;
2. Memberikan suntikan-suntikan seperti *Flu*, *Typhoid*, *Hepatitis A* dan *B*, *Meningitis* dan lain-lain bagi orang awam, pengendali makanan, pengusaha makanan yang memerlukan dan bagi orang-orang yang menunaikan Fardhu Haji dan Umrah;



3. Membuat pesanan vaksin-vaksin yang diperlukan dari Stor Perubatan Negara;
4. Membuat pesanan barang-barang klinikal bagi keperluan suntikan seperti jarum suntikan, *alcohol swab*, *plaster* dan sebagainya;
5. Memantau dan mencatat suhu peti sejuk penyimpanan vaksin bagi memastikan peti sejuk penyimpanan vaksin berfungsi dengan baik dan pada tahap suhu tidak melebihi dari suhu yang dibenarkan ;
6. Melaporkan kerosakan perkakas dan peralatan terutama peti sejuk vaksin atau jika ada amaran suhu peti sejuk vaksin melebihi tahap yang dibenarkan dan memindahkan vaksin-vaksin ke peti sejuk penyimpanan vaksin yang lain dengan seberapa segera bagi mengelakkan kerosakkan ke atas vaksin-vaksin berkenaan;
7. Melakukan pembersihan dan pembasmian kuman (*Disinfection*) ke atas peralatan dan perkakas yang digunakan seperti *cool box*, *ice packs*, permukaan meja bekerja, kerusi dan sebagainya;
8. Mencatat dan mengemaskini kemasukan dan pengeluaran vaksin-vaksin yang akan digunakan;
9. Membantu menyediakan dan melengkapkan borang-borang penghapusan bagi vaksin-vaksin yang telah mansuh tarikh penggunaannya bagi proses penghapusan;
10. Memeriksa dan mengemaskini barang-barang dalam *Vaccination trolley* bagi keperluan suntikan;
11. Menyediakan laporan data penggunaan vaksin bulanan bagi Ketua Unit; dan
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Ketua Unit atau pegawai atasan dari semasa ke semasa.